


**SULIT
02/2
BAHASA MELAYU
KERTAS 2
MASA 2 JAM**



02/2

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH
(CAWANGAN PULAU PINANG)**

MODUL LATIHAN BERFOKUS PMR 2013

**BAHASA MELAYU
KERTAS 2
2 JAM**

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 4 bahagian **Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C** dan **Bahagian D**
2. **Bahagian A** terdiri daripada dua bahagian : **Bahagian A (i)** dan **Bahagian A (ii)**. Anda dikehendaki supaya menjawab kedua-dua bahagian tersebut **Bahagian B** dan **Bahagian D** juga mesti dijawab. Manakala **Bahagian C** mempunyai lima pilihan soalan dan anda diminta menjawab satu soalan sahaja.
3. Anda dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab **bahagian A**, 25 minit untuk **Bahagian B**, 45minit untuk **bahagian C** dan 10 minit untuk **bahagian D**.
4. Jawaban anda hendaklah ditulis dalam kertas jawaban yang disediakan. Sekiranya kertas jawaban tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.

Bahagian A(i) Ringkasan**[20 markah]**

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang langkah-langkah membendung pencemaran alam sekitar. Panjangnya ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 80 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Alam sekitar merupakan anugerah dan amanah Tuhan yang sangat besar ertiinya kepada kehidupan makhluk di atas muka bumi ini. Allah SWT menetapkan bahawa setiap makhluk yang dicipta-Nya mempunyai rangkaian serta hubungan dan saling memerlukan antara satu sama lain.

Walau bagaimanapun, dalam usaha mengejar pembangunan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk, kegiatan ekonomi dan projek pembangunan sesebuah negara tidak dapat dielakkan. Proses pembangunan dan modenisasi yang dilakukan secara drastik kurang mengambil kira aspek pemuliharaan alam sekitar telah mengundang pencemaran alam yang teruk. Bencana demi bencana yang berlaku membuka mata masyarakat dunia tentang kepentingan menjaga alam sekitar agar bumi dapat dihuni dengan selamatnya.

Untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar, setiap usaha pembangunan dan aktiviti ekonomi harus dilaksanakan dengan menyeimbangkan langkah pemeliharaan dan pemuliharaan alam. Ternyata pencabulan terhadap alam juga ekoran daripada sikap manusia yang alpa. Seseorang individu yang bertanggungjawab haruslah menjaga alam sekitar agar sentiasa bersih dan melaksanakan aktiviti kitar semula untuk kepentingan *insan sejagat* dan generasi akan datang.

Usaha mewujudkan kesedaran terhadap keperluan dan kepentingan melestarikan alam sekitar harus ditanam dalam jiwa setiap insan di dunia ini. Wahana pendidikan dilihat sebagai medium yang penting untuk menyemai sikap prihatin terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dalam kalangan kanak-kanak dan golongan remaja. Malah, entiti masyarakat juga perlu menyokong badan atau pertubuhan yang memperjuangkan alam sekitar. Tegasnya, isu alam sekitar ialah isu yang perlu dipandang serius.

Seterusnya, kempen kesedaran tentang keprihatinan terhadap alam sekitar yang melibatkan golongan dewasa perlu dilipatgandakan kerana program ini dapat mempengaruhi generasi muda Malaysia memelihara alam sekitar. Penyebaran mesej dan risalah yang mengandungi maklumat dan aktiviti pelestarian alam sekitar perlu dikongsi dengan rakan agar semua peka akan perkembangan semasa yang berkaitan alam sekitar.

Bersempena dengan sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia, program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) memperkenalkan konsep ekonomi hijau yang merendahkan penggunaan karbon dan meningkatkan penggunaan sumber yang cekap. Kerajaan juga mengambil langkah menyertai Perjanjian Protokol Kyoto, iaitu perjanjian antara negara ahli bagi mengurangkan pembebasan karbon dioksida.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada
Alam Sekitar dan Anda,
Zaime Zainuddin, Siswa Julai 2012)

Bahagian A(ii) – Pemahaman**[10 markah]**


Berdasarkan petikan Bahagian A(i), jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

1. Berikan maksud rangkai kata *insan sejagat* [2markah]
2. Berdasarkan petikan, apakah punca-punca pencemaran alam? [4 markah]
3. Pada pendapat anda, bagaimanakah pihak sekolah dapat memupuk kesedaran penjagaan alam sekitar dalam kalangan pelajar ? [4 markah]

Bahagian B

[20 markah]

Berdasarkan rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang kebaikan bersukan. Panjangnya huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.



Bahagian C**[40 markah]**

Pilih satu daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 180 patah perkataan.

- 1 Amalan berjimat cermat penting dalam kehidupan seseorang remaja.

Huraikan langkah-langkah yang anda lakukan untuk mengamalkan amalan berjimat cermat ini.

- 2 Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam memastikan kesihatan anak-anak terjamin.

Huraikan pendapat anda tentang pernyataan di atas.

- 3 Sekolah anda telah mengadakan Minggu Pusat Sumber Sekolah, pelbagai aktiviti menarik telah diadakan.

Ceritakan aktiviti-aktiviti yang diadakan sepanjang minggu tersebut.

- 4 Anda akan menyertai pertandingan syarahan yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Tajuk syarahan anda ialah ‘Kebaikan Internet kepada Pelajar’.

Sediakan teks syarahan anda selengkapnya.

- 5 Peribahasa *bagai aur dengan tebing* membawa maksud saling bekerjasama atau hidup bantu-membantu.

Tulis sebuah cerita berdasarkan maksud peribahasa tersebut.

Bahagian D**[10 markah]**

Jawaban anda hendaklah berdasarkan novel yang telah anda kaji di Tingkatan 3

NOVEL 6 :20 karya Siti Jasmina Ibrahim

Berdasarkan novel di atas,uraikan **tiga latar masyarakat** berserta contoh peristiwa yang sesuai.

KERTAS SOALAN TAMAT